

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 7

**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan isu penggunaan daun ketum di kalangan rakyat Malaysia dan sejauh mana pengalaman Kementerian dalam menguruskan isu pesakit-pesakit yang berkaitan penggunaan bahan-bahan dari daun ketum.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Alkaloid *mitragynine* yang didapati di dalam daun ketum (kratom) adalah dikawal sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 [Akta 366] semenjak tahun 2003 dan terdapat kawalan khas ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya di bawah Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989.

Daun ketum telah lama digunakan khususnya oleh penduduk di sekitar utara Semenanjung Malaysia sebagai rawatan tradisional untuk beberapa masalah seperti rawatan untuk demam (antipyretic), cirit-birit (anti-diarrhoeal), sebagai ubat cacing (anti-helminthic) tanpa sebarang kesan sampingan yang teruk (*major adverse reaction*) ataupun kematian dilaporkan .

## **NO SOALAN : 7**

Walau bagaimanapun, semenjak kebelakangan ini, terdapat banyak penyalahgunaan penggunaan ketum di dalam kalangan masyarakat yang menyebabkan masalah kebergantungan atau ketagihan. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ada menerima pesakit-pesakit yang hadir di klinik kesihatan akibat daripada pengambilan substans/dadah. Dalam kebanyakan kes, pengambilan ketum selalunya beserta dengan substans jenis lain seperti minuman beralkohol, opioid atau jenis amphetamine/ metamfetamin atau disebut sebagai polydrug user. Kes-kes yang mengalami kebergantungan kepada ketum atau dengan substans yang lain dirawat secara simptomatik dengan ubat-ubatan sedia ada.

### **Yang di-Pertua,**

Memandangkan penggunaan daun ketum masih belum dapat dibendung sepenuhnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses meminda Akta 366 bagi merangkumi kawalan ke atas tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum. Pindaan ini akan memperuntukkan larangan ke atas aktiviti perladangan, penanaman, pengimportan, pengeksportan, pembekalan, penjualan dan pemilikan tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum. Cadangan kawalan ini diharap dapat membendung masalah penggunaan ketum yang mempunyai banyak kesan negatif kepada masyarakat dan Negara.

Sekian, terima kasih.